



**PROSEDUR DAN PERATURAN :**

**SAYA BERSETUJU BAHAWA :**

1. Pemohon adalah **staf akademik , staf pengurusan & profesional UTeM** berstatus **tetap dan telah disahkan jawatan** dengan tempoh baki perkhidmatan melebihi **4 tahun**
2. Kaedah yang digunakan bagi insentif ini adalah **First Come First Serve** sehingga peruntukan pada tahun semasa mencapai kuota.
3. Insentif ini hanyalah untuk pembelian **komputer riba / komputer peribadi sahaja**. Sebarang pembelian aksesori tambahan perlu ditanggung oleh Pemohon.
4. Permohonan insentif hanya boleh dimohon sekali sahaja dalam tempoh 4 tahun.
5. Dalam tempoh 4 tahun tersebut, Pemohon bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kehilangan dan penyelenggaraan peralatan yang dibeli melalui insentif ini.
6. Dalam tempoh tersebut, sebarang permohonan komputer riba / komputer peribadi yang dibekalkan oleh UTeM juga tidak akan diterima.
7. Pembayaran insentif ini dilaksanakan secara pembayaran balik (*reimbursement*) dan terhadap kepada **RM 2,500.00** sahaja. Sekiranya sebutharga yang dilampirkan melebihi daripada jumlah ini, maka baki tersebut akan ditanggung oleh pihak Pemohon.
8. Bagi tujuan pembayaran, Pemohon wajib melampirkan bukti **resit pembelian asal** dan **memulangkan bersama komputer peribadi yang dibekalkan** oleh Universiti. Kegagalan mematuhi perkara ini akan menyebabkan pembayaran tertangguh.
9. PPPK berhak menolak permohonan insentif pembelian komputer sekiranya Pemohon tidak memenuhi syarat permohonan yang telah ditetapkan.
10. PPPK akan membantu kerja-kerja pemasangan perisian sistem operasi *Windows* dan *Microsoft Office* di bawah perlesenan *Campus License UTeM* serta penetapan domain buat kali pertama sahaja.
11. Pemohon perlu melakukan **salinan dan pemindahan data sendiri**.
12. Pemohon perlu melampirkan bersama borang ini, **sebut harga dan spesifikasi teknikal** daripada pihak pembekal / kedai.
13. Sekiranya Pemohon gagal melengkapkan keseluruhan proses ini dalam **tempoh 45 hari**, permohonan tersebut akan **terbatal** dan perlu memohon semula, manakala kuota tersebut akan diberikan kepada kakitangan lain yang layak.
14. Sekiranya pemohon menamatkan perkhidmatan di UTeM dalam tempoh pemberian insentif, Pemohon dikehendaki **membayar semula baki insentif** berdasarkan kiraan yang telah ditentukan oleh UTeM.
15. UTeM tidak akan dipertanggungjawabkan di atas segala salah laku Pemohon yang melanggar Dasar, Garis Panduan dan Peraturan ICT UTeM serta undang-undang kerajaan ketika menggunakan peralatan ini.

**TANDATANGAN PEMOHON :**

**Saya bersetuju dengan semua prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan sebagaimana yang tertera di dalam borang ini.**